

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	25 June 2015

Najib, Dr. Mahathir diharap berdamai

UM - 25/6/2015

KUALA LUMPUR 24 Jun - Datuk Seri Najib Tun Razak dan bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad disaran memanfaatkan bulan Ramadan yang mulia ini untuk bertemu dan menyelesaikan konflik yang melanda antara mereka.

Senator Datuk S. Nallakarupan berkata, hubungan kedua-dua pemimpin perlu dipulihkan bagi memastikan segala persepsi negatif terhadap Malaysia dapat dihapuskan selain memulihkan imej negara yang sedang pesat membangun ke arah mencapai negara maju.

Menurutnya, beliau bersedia menjadi orang tengah sebagai perantara kepada Najib dan Dr. Mahathir

pada bila-bila masa asalkan pertemuan itu menjadi kenyataan.

“Dulu masa Dr. Mahathir menjadi Perdana Menteri, beliau tidak suka orang lain campur tangan pemerintahan kerajaan, tetapi sekarang saya melihat prinsip itu sudah hilang kerana tindakannya ‘ketuk’ Najib seperti yang dilaporkan *New York Times*.

“Bagaimanapun, saya harap bulan Ramadan ini digunakan untuk kedua-duanya berjumpa dan berbaik-baik semula, kalau Dr.



S. NALLAKARUPAN

Mahathir tidak boleh panggil Perdana Menteri, saya boleh tolong panggil, saya boleh jadi pemandu asalkan mereka boleh berbincang,” katanya dalam perbincangan Usul Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK-11) hari ini.

Menurut Nallakarupan, pergeseran yang berlaku antara Najib dan

Dr. Mahathir hanya membuatkan orang Melayu yang merupakan majoriti rakyat Malaysia berpecah dan boleh merugikan negara.

Tegasnya, sebagai negarawan

terkemuka, Dr. Mahathir sepatutnya membantu Najib membangunkan Malaysia bukannya menjadi lawan yang sentiasa menyerang Perdana Menteri sehingga menjejaskan negara.

“Dr. Mahathir sudah 22 tahun menjadi Perdana Menteri, beliau ada sumbangan besar kepada negara tetapi sekarang sudah berusia, saya harap lebih baik diam dan jemput Najib datang rumah untuk berbuka puasa.

“Bagi saya, Najib juga ada kelebihan, dia adalah Perdana Menteri terbaik yang dasarnya membantu semua kaum tidak kira Melayu, Cina atau India,” ujarnya.